



PENYATA  
KEWANGAN  
2019



# Kandungan

## PERKARA

## MUKA SURAT

<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	i-viii
<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA</b>	ix-xiii
<b>PENYATA KEWANGAN</b>	
• Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	1
• Penyata Kedudukan Kewangan	3
• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	4-5
• Penyata Prestasi Kewangan	6
• Penyata Akaun Memorandum	7
• Nota Kepada Penyata Kewangan	8-33

## LAMPIRAN KEPADA NOTA

Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus	35-49
Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan	51-61
Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	63-79
Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	81-83
Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	85-92



The background features a complex abstract design. It includes a dark blue area with fine white diagonal lines in the top-left corner. The rest of the page is a light blue field with a pattern of small white dots. Overlaid on this are several large, overlapping geometric shapes in shades of grey and dark blue, some with rounded ends and others with straight edges, creating a sense of depth and movement.

# LAPORAN BENDAHARI NEGERI 2019



# KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN LAPORAN BENDAHARI TAHUN 2019

## Pendahuluan

Penyata Kewangan Negeri Perak dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusniaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

## KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2019 telah memperuntukkan sebanyak RM1,140.51 juta bagi Perbelanjaan Mengurus termasuk peruntukan tambahan sebanyak RM0.09 juta. Manakala Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM400.00 juta.

Jumlah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2019 adalah RM1,447.10 juta, (termasuk RM352.00 juta yang dipindah dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 93.94% dari peruntukan berjumlah RM1,540.51 juta. Daripada jumlah ini, Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM1,089.75 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM357.35 juta.


Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah berjumlah RM33.36 juta, iaitu 97.35% dari jumlah peruntukan RM34.27 juta manakala Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM1,056.39 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 95.49% dari jumlah peruntukan RM1,106.25 juta.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan prestasi belanjawan Kerajaan Negeri 2019. Carta 1 pula menunjukkan Hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2015 hingga 2019.

JADUAL 1: PRESTASI BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI PERAK 2019						
	2019			2018		
	Bajet RM (Juta)	Sebenar RM (Juta)	Bajet %	Bajet RM (Juta)	Sebenar RM (Juta)	Bajet %
<b>Akaun Semasa</b>						
Hasil	1,030.97	1,094.89	106.20	1,046.14	1,069.16	102.20
Perbelanjaan Mengurus	1,140.51	1,089.75	95.55	1,140.88	1,059.24	92.84
<b>Lebihan / (Defisit)</b>	<b>(109.54)</b>	<b>5.14</b>		<b>(94.74)</b>	<b>9.92</b>	
<b>Akaun Pembangunan</b>						
Penerimaan	400.00	404.54	101.14	421.28	389.73	92.51
Perbelanjaan	400.00	357.35	89.34	421.28	349.54	82.97
<b>Lebihan / (Defisit)</b>	<b>0.00</b>	<b>47.19</b>		<b>0.00</b>	<b>40.19</b>	

### Carta 1

#### Hasil dan Perbelanjaan Mengurus 2015 hingga 2019



i

PENYATA KEWANGAN 2019 KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

## PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI

### Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Januari 2020 dan Ketua Audit Negara telah memperakukan dan mengeluarkan sijil pada 23 September 2020.

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah Aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM1,280.34 juta, berbanding tahun 2018 sebanyak RM1,076.61 juta.

Peningkatan keseluruhan Aset Kerajaan Negeri sebanyak RM203.73 juta adalah disebabkan oleh peningkatan Wang Tunai sebanyak RM184.33 juta dan peningkatan dalam jumlah Pelaburan sebanyak RM19.41 juta. Baki Akaun Hasil Disatukan juga meningkat sebanyak RM5.14 juta daripada RM612.45 juta kepada RM617.59 juta, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar manakala Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM198.59 juta kepada RM662.75 juta berbanding RM464.16 juta pada tahun 2018. Jadual 2 menunjukkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan dan Carta 2 menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2015 hingga 2019.

	2019	2018	Kenaikan / (Penurunan) RM (Juta)	Peratus %
	RM (Juta)	RM (Juta)		
Akaun Hasil Disatukan	617.59	612.45	5.14	0.84
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	662.75	464.16	198.59	42.78
<b>Kumpulan Wang Disatukan Negeri</b>	<b>1,280.34</b>	<b>1,076.61</b>	<b>203.73</b>	<b>18.92</b>

### Carta 2

Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh 2015 hingga 2019





## ASET

### Wang Tunai

Baki Wang Tunai seperti pada 31 Disember 2019 adalah RM184.33 juta lebih tinggi berbanding RM179.64 juta pada 31 Disember 2018. Baki Wang Tunai pada 31 Disember 2019 terdiri dari Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.72 juta, dan Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM363.25 juta.

### Pelaburan

Pada 31 Disember 2019, jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Disatukan adalah RM916.37 juta. Pelaburan ini terdiri dari Pelaburan Saham sebanyak RM34.77 juta (3.79%) dan Pelaburan Am sebanyak RM881.60 juta (96.21%). Keseluruhan Pelaburan Am ini adalah dalam bentuk Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap).

Pelaburan Am meningkat sebanyak RM21.30 juta berbanding RM860.30 juta pada tahun 2018 manakala jumlah pelaburan dalam saham dan syer menurun sebanyak RM1.89 juta berbanding RM36.67 juta pada tahun 2018.

Jadual 3 menunjukkan kedudukan baki Wang Tunai dan Pelaburan tahun 2019 dan 2018.

JADUAL 3 : KEDUDUKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN					
	2019	Peratus	2018	Kenaikan /	Peratus
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	(Penurunan) RM (Juta)	%
Wang Tunai	363.97	28.43	179.64	184.33	102.61
Pelaburan	916.37	71.57	896.97	19.40	2.16
Jumlah Aset	1,280.34	100.00	1,076.61	203.73	18.92

## KUMPULAN WANG DISATUKAN

### AKAUN HASIL DISATUKAN

#### Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung. Cukai Langsung meliputi Cukai Tanah, Cukai Keluaran Hutan, Cukai Parit dan Tali Air serta Royalti. Manakala Cukai Tidak Langsung terdiri Cukai Hiburan, Levi Pindah Milik dan Cukai Pelancongan. Hasil Bukan Cukai termasuk Lesen dan Permit, Bayaran Perkhidmatan, Premium, Jualan Barang, Sewaan, Perolehan dari Pelaburan, serta Denda dan Hukuman. Terimaan Bukan Hasil pula meliputi Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan dari Agensi-Agensi Kerajaan yang lain.

Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,094.89 juta, iaitu 2.41% meningkat dari tahun 2018 yang berjumlah RM1,069.16 juta.

Pada tahun 2019, Hasil Cukai menyumbang sebanyak RM472.11 juta iaitu 43.12% daripada jumlah hasil keseluruhan dan meningkat berbanding dengan RM434.66 juta pada tahun 2018. Komponen Hasil Cukai bagi tahun 2019 terdiri dari Cukai Langsung sebanyak RM447.69 juta dan Cukai Tidak Langsung berjumlah RM24.42 juta. Cukai Tanah kekal sebagai punca utama kepada Cukai Langsung. Kutipan Cukai Tanah adalah sebanyak RM322.99 juta meningkat RM24.71 juta iaitu 8.28% lebih tinggi berbanding tahun 2018 sebanyak RM298.28. Hasil Royalti meningkat sebanyak RM3.99 juta kepada RM103.74 juta berbanding tahun 2018 berjumlah RM99.75 juta, iaitu peningkatan sebanyak 4.01%. Manakala Cukai Keluaran Hutan Utama pula berjumlah RM20.49 juta, menurun sebanyak RM0.31 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM20.80 juta.

Hasil Bukan Cukai pula menyumbang 37.69% kepada jumlah keseluruhan hasil negeri tahun 2019 dan menurun kepada RM412.67 juta berbanding pungutan pada tahun 2018 berjumlah RM420.84 juta. Amaun yang dikutip di bawah komponen ini menurun sebanyak RM8.17 juta iaitu 1.94%.


Terimaan Bukan Hasil pula memberi sumbangan sebanyak 19.19% kepada hasil keseluruhan negeri. Pungutan hasil ini menurun sebanyak RM3.55 juta, iaitu dari RM213.66 juta pada tahun 2018 menurun kepada RM210.11 juta dalam tahun 2019.

Jadual 4 menunjukkan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Kategori dan Carta 3 Prestasi Hasil Kerajaan Negeri 2015 hingga 2019.

	2019	2018	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus %
	RM (Juta)	RM (Juta)		
Hasil Cukai	472.11	434.66	37.45	8.62
Hasil Bukan Cukai	412.67	420.84	(8.17)	(1.94)
Terimaan Bukan Hasil	210.11	213.66	(3.55)	(1.66)
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>1,094.89</b>	<b>1,069.16</b>	<b>25.73</b>	<b>2.41</b>

### Carta 3

#### Prestasi Hasil Kerajaan Negeri 2015 hingga 2019



### Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus tahun 2019 adalah berjumlah RM1,089.75 juta, termasuk pindahan sebanyak RM352.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Jumlah ini meningkat sebanyak RM30.51 juta iaitu 2.88% berbanding Perbelanjaan Mengurus tahun 2018. Sebanyak RM33.36 juta merupakan Perbelanjaan Tanggungan dan RM1,056.39 juta pula adalah Perbelanjaan Bekalan.


Perbelanjaan Emolumen meningkat sebanyak RM18.13 juta iaitu 5.31% kepada RM359.52 juta berbanding dengan RM341.39 juta bagi tahun 2018.

Bagi Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan pula, peningkatan sebanyak RM10.88 juta iaitu 4.52% kepada RM251.41 juta telah dicatatkan berbanding tahun 2018 sebanyak RM240.53 juta. Perbelanjaan di bawah kategori ini adalah untuk perbelanjaan tuntutan perjalanan, penyelenggaraan kenderaan pejabat, kerja-kerja pembaikan, pengangkutan dan perbelanjaan utiliti dan pos serta perbelanjaan bekalan pejabat dan bahan mentah.

Perbelanjaan Perolehan Aset meningkat sebanyak RM4.22 juta (33.95%) kepada RM16.65 juta berbanding RM12.43 juta pada tahun 2018. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pembelian peralatan pejabat, kenderaan dan penggantian peralatan jentera. Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menurun sebanyak RM10.38 juta kepada RM453.14 juta berbanding RM463.52 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan Lain juga meningkat sebanyak RM7.66 juta (559.12%) kepada RM9.03 juta, berbanding RM1.37 juta pada tahun 2018. Peningkatan ketara berlaku disebabkan bayaran balik kepada Akaun Peruntukan Khas sebanyak RM5.00 juta dan lain-lain bayaran balik yang berjumlah RM4.03 juta. Sebahagian besar perbelanjaan ini digunakan bagi membuat bayaran balik hasil dan juga hapuskira.


Jadual 5 menunjukkan perbandingan Perbelanjaan Mengurus untuk tahun 2019 dan 2018. Carta 4 menunjukkan peratusan komponen Perbelanjaan Mengurus tahun 2019, manakala Carta 5 pula menunjukkan Perbelanjaan Mengurus bagi tempoh 2015 hingga 2019.

**Carta 4**  
**Komponen Perbelanjaan Mengurus 2019**



JADUAL 5 : PERBELANJAAN MENGURUS				
	2019	2018	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Emolumen	359.52	341.39	18.13	5.31
Perkhidmatan dan Bekalan	251.41	240.53	10.88	4.52
Aset	16.65	12.43	4.22	33.95
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	453.14	463.52	(10.38)	(2.24)
Perbelanjaan Lain	9.03	1.37	7.66	559.12
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>1,089.75</b>	<b>1,059.24</b>	<b>30.51</b>	<b>2.88</b>

**Carta 5**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2015 hingga 2019**



## AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada akhir tahun 2019.

## AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri dari tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit.

### Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang ini terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2019 berjumlah RM319.78 juta, meningkat berbanding tahun 2018 iaitu RM279.54 juta.

V

## Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ialah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan untuk tujuan pembangunan ekonomi negeri. Akaun Kumpulan Wang Amanah ini mencatatkan lebih sebanyak RM47.19 juta dalam tahun semasa dengan mencatatkan peningkatan sebanyak RM7.00 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM40.19 juta. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Amanah Pembangunan menurun sebanyak RM47.19 juta dari RM96.39 juta kepada RM49.20 juta pada tahun 2019.

Jumlah terimaan kumpulan wang dalam tahun 2019 sebanyak RM404.54 juta terdiri dari Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM352.00 juta, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM23.92 juta dan Terimaan-Terimaan Lain berjumlah RM28.62 juta termasuk Terimaan Sewa Beli Rumah Awam.


Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2019 berjumlah RM357.35 juta, iaitu 89.34% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM400.00 juta. Semua perbelanjaan dibiayai secara Langsung dari peruntukan Kerajaan Negeri.

Jadual 6 menunjukkan Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018. Carta 6 pula menunjukkan kedudukan Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 hingga 2019.

JADUAL 6 : TERIMAAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI				
	2019	2018	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus %
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	
<b>TERIMAAN</b>				
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	352.00	344.00	8.00	2.33
Pemberian Pertambahan Hasil	10.18	10.09	0.09	0.89
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	23.92	21.08	2.84	13.47
Terimaan Lain	18.44	14.56	3.88	26.65
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>404.54</b>	<b>389.73</b>	<b>14.81</b>	<b>3.80</b>
<b>PERBELANJAAN</b>				
Langsung	(357.35)	(349.54)	(7.81)	2.23
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(357.35)</b>	<b>(349.54)</b>	<b>(7.81)</b>	<b>2.23</b>

Carta 6

### Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan 2015 hingga 2019



### **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan wang ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian yang telah berbaki kosong dan tidak dinyatakan dalam Penyata Kewangan, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan wang ini berbaki kredit sebanyak RM319.78 juta dalam tahun 2019 berbanding RM279.54 juta dalam tahun 2018.

Laporan terperinci boleh dirujuk di Nota 7(a) Nota kepada Penyata Kewangan.

### **Akaun Kena Bayar**

Pada tahun 2019, tiada tempoh Akaun Kena Bayar ditetapkan.

### **Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri, dan amanah khas yang tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Di antara akaun amanah yang terdapat di bawah kumpulan wang ini adalah Kumpulan Wang Simpanan DiRaja yang ditubuhkan di bawah Enakmen *Civil List* 1958. Baki peruntukan di bawah peruntukan DiRaja T01 yang tidak dibelanja dipindahkan ke dalam kumpulan wang ini. Baki dalam kumpulan wang ini juga dikeluarkan bagi menampung peruntukan yang tidak mencukupi dalam Akaun Hasil Disatukan di bawah Perbelanjaan Mengurus T01. Pada tahun 2019, baki Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM236.25 juta, berbanding RM144.27 juta pada tahun 2018.

Pada tahun 2019, terdapat dua (2) akaun yang baharu diwujudkan dan lima (5) akaun amanah yang telah ditutup. Akaun amanah yang baru diwujudkan adalah Akaun Amanah Ladang Masyarakat Kledang Mas dan Akaun Peruntukan Khas yang menggantikan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak. Selain itu, akaun amanah yang telah ditutup ialah Akaun Amanah Projek Penempatan Semula dan Pembangunan Infrastruktur RPT Sungai Kerang, Akaun Amanah Pengurusan BR1M, Akaun Amanah Pertabalan Sultan, Akaun Amanah Pengurusan Sukan Malaysia dan Akaun Amanah Kerja-kerja Pengorekan Jalan Oleh Tenaga Nasional Bhd.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada Nota 7 (b).

### **Deposit**

Deposit adalah terdiri daripada wang yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian, dan perlu dibayar balik apabila maksud berkenaan telah dicapai. Bermula Penyata Kewangan tahun 2018, Akaun Deposit akan dilaporkan mengikut maksud deposit berkenaan di dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Baki Deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri meningkat dari RM136.75 juta pada tahun 2018 kepada RM155.93 juta pada tahun 2019.

## **PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

### **Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**

Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan Wang Tunai sebanyak RM184.33 juta pada tahun 2019, berikutan jumlah terimaan yang meningkat kepada RM1,300.72 juta berbanding RM1,115.93 juta pada tahun 2018. Jumlah Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM363.97 juta.

Jumlah terimaan sebanyak RM1,300.72 juta adalah terdiri dari Hasil yang berjumlah RM1,094.86 juta dan Terimaan Modal yang berjumlah RM54.43 juta. D daripada jumlah hasil tahun 2019 yang diterima, RM472.11 juta adalah daripada Hasil Cukai, RM412.67 juta merupakan Hasil Bukan Cukai dan RM210.11 juta merupakan Terimaan Bukan Hasil.

Komponen terbesar daripada jumlah bayaran Kerajaan Negeri sebanyak RM1,116.40 juta pada tahun 2019 adalah Perbelanjaan Mengurus iaitu RM729.75 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), manakala Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM357.35 juta dan Perbelanjaan Modal bagi Pembelian Instrumen Kewangan berjumlah RM21.30 juta. Manakala Pembayaran Pinjaman berjumlah RM8.00 juta merupakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan.

## viii

### PENYATA AKAUN MEMORANDUM

#### Akaun Memorandum

Akaun Memorandum ialah akaun yang menunjukkan Aset dan Liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Tunggakan Hasil manakala Liabiliti pula adalah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

### ASET

#### Pinjaman Boleh Di Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM273.03 juta berbanding RM321.82 juta pada tahun 2018.

Butir-butir terperinci Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi boleh dirujuk dalam Lampiran 3.

#### Pelaburan

Pada tahun 2019, Pelaburan Kerajaan Negeri dari Kumpulan Wang Pelaburan Negeri telah meningkat dari RM80.45 juta kepada RM80.79 juta. Butiran lanjut boleh dirujuk di Nota 8(b) Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum.

#### Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima menunjukkan jumlah tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun kewangan. Pada akhir tahun 2019, tunggakan hasil adalah RM102.33 juta iaitu, meningkat sebanyak RM19.46 juta iaitu 23.48% dari amaun tahun 2018 yang berjumlah RM82.87 juta.

### LIABILITI

#### Hutang Awam Negeri

Baki Hutang Awam Negeri yang belum diselesaikan pada tahun 2019 berjumlah RM255.80 juta, berbanding RM313.29 juta pada akhir tahun 2018 iaitu menurun sebanyak RM57.49 juta. Pada tahun 2019, bayaran balik pinjaman yang telah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM8.00 juta.


Butiran lanjut ditunjukkan di Lampiran 5.



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019







## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

#### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti pada muka surat 2 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

#### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

#### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Penyata Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

xi

## Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perak.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak memberi gambaran yang saksama.

### Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.




(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
23 September 2020

xiii



The background features a complex abstract design. It includes a dark blue area with fine white diagonal lines in the top-left corner. A large, light blue area with a white dot pattern occupies the center and right. Several overlapping, rounded rectangular shapes in shades of grey and light blue are scattered across the page, creating a layered, architectural feel.

# PENYATA KEWANGAN 2019




# PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Perak.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2019.



**DATO' ZULAZLAN BIN ABU HASSAN**  
Pegawai Kewangan Negeri Perak  
28 Januari 2020



**FUZIAH BINTI DERASA**  
Bendahari Negeri Perak  
28 Januari 2020





## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2019

	Nota	2019	2018
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	363,969,976.57	179,646,402.73
PELABURAN	4	916,374,197.57	896,968,947.57
		<b>1,280,344,174.14</b>	<b>1,076,615,350.30</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	617,591,131.25	612,451,359.27
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	662,753,042.89	464,163,991.03
		<b>1,280,344,174.14</b>	<b>1,076,615,350.30</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

## PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	2019		2018	
		RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>	5				
Hasil Cukai		472,110,746.14		434,664,070.62	
Hasil Bukan Cukai		412,664,536.56		420,840,562.82	
Terimaan Bukan Hasil		<u>210,111,813.98</u>		<u>213,657,370.88</u>	
			1,094,887,096.68		1,069,162,004.32
<b>Pinjaman</b>	6				
Dalam Negeri		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
			0.00		0.00
<b>Terimaan Modal</b>	4,7				
Jualan Instrumen Kewangan		1,894,750.00		1,031,000.00	
Pelbagai Terimaan Modal		<u>52,537,177.71</u>		<u>45,733,236.50</u>	
			54,431,927.71		46,764,236.50
<b>Terimaan Lain</b>	7				
Terimaan Amanah		<u>151,400,498.68</u>		<u>0.00</u>	
			151,400,498.68		0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>			<b>1,300,719,523.07</b>		<b>1,115,926,240.82</b>
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	5				
Emolumen		(359,522,406.37)		(341,388,929.80)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(251,411,019.11)		(240,529,126.29)	
Aset		(16,641,659.48)		(12,434,486.22)	
Pemberian dan Kenaan					
Bayaran Tetap		(93,140,711.10)		(111,525,757.55)	
Perbelanjaan Lain		<u>(9,031,528.64)</u>		<u>(1,367,001.13)</u>	
			(729,747,324.70)		(707,245,300.99)

(disambung)

## PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

(sambungan)

	Nota	2018		2018	
		RM	RM	RM	RM
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsung		(357,348,624.53)		(349,543,986.67)	
			(357,348,624.53)		(349,543,986.67)
<b>Perbelanjaan Modal</b>	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		(21,300,000.00)		(13,000,000.00)	
			(21,300,000.00)		(13,000,000.00)
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>	6				
Pinjaman Dalam Negeri		(8,000,000.00)		(8,000,000.00)	
Pinjaman kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah		0.00		0.00	
			(8,000,000.00)		(8,000,000.00)
<b>Bayaran Lain</b>	7				
Bayaran Amanah		0.00		(18,153,871.24)	
			0.00		(18,153,871.24)
<b>Jumlah Bayaran</b>			<b>(1,116,395,949.23)</b>		<b>(1,095,943,158.90)</b>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			184,323,573.84		19,983,081.92
Wang Tunai Pada 31 Disember 2018			179,646,402.73		159,663,320.81
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2019</b>			<b>363,969,976.57</b>		<b>179,646,402.73</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	2019		2018
		Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
HASIL	5	1,030,975,040.00	1,094,887,096.68	1,069,162,004.32
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	771,007,000.00	737,747,324.70	715,245,300.99
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>259,968,040.00</b>	<b>357,139,771.98</b>	<b>353,916,703.33</b>
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	400,000,000.00	357,348,624.53	349,543,986.67
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(140,031,960.00)</b>	<b>(208,852.55)</b>	<b>4,372,716.66</b>
<b>KURANGAN DIBIYAI OLEH:</b>				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Pelbagai Terimaan Modal	4,7		52,537,177.71	45,733,236.50
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7		(52,328,325.16)	(50,105,953.16)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>208,852.55</b>	<b>(4,372,716.66)</b>

6

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

## PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>MEMORANDUM ASET</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	273,033,929.20	321,823,940.29
Pelaburan	8	80,793,142.61	80,447,514.25
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>			
Hutang Awam	9	255,802,363.90	313,292,798.90

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara LV11 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas Perakaunan Tunai Ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan Wang Tunai Dalam Perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaunkan urusan bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019	2018
	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	363,247,876.57	178,874,302.73
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	722,100.00	772,100.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>363,969,976.57</b>	<b>179,646,402.73</b>

#### 4. PELABURAN

Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat dari lebih Kumpulan Wang Disatukan selain dari pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan ianya dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019	2018
	Nilai Buku	Nilai Buku
	RM	RM
Saham	34,774,197.57	36,668,947.57
Deposit Dalam Negeri	881,600,000.00	860,300,000.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>916,374,197.57</b>	<b>896,968,947.57</b>

10

#### 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan urusan terimaan Hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebih dari Akaun Hasil Disatukan, RM352,000,000.00 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran RM	2019		2018	
		Sebenar		Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		<b>612,451,359.27</b>		<b>602,534,655.94</b>	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	588,658,580.00	472,110,746.14	80.20	434,664,070.62	76.76
Hasil Bukan Cukai	278,436,492.00	412,664,536.56	148.21	420,840,562.82	142.10
Terimaan Bukan Hasil	163,879,968.00	210,111,813.98	128.21	213,657,370.88	116.30
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>1,030,975,040.00</b>	<b>1,094,887,096.68</b>	<b>106.20</b>	<b>1,069,162,004.32</b>	<b>102.20</b>

(disambung)



(sambungan)

Perihal	Anggaran	2019		2018	
		Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	372,246,950.57	359,522,406.37	96.58	341,388,929.80	95.22
Perkhidmatan dan Bekalan	264,668,699.63	251,411,019.11	94.99	240,529,126.29	92.69
Aset	17,471,963.02	16,641,659.48	95.25	12,434,486.22	85.76
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	107,402,062.78	101,140,711.10	94.17	119,525,757.55	99.06
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	9,303,000.00	9,031,528.64	97.08	1,367,001.13	56.89
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	771,092,676.00	737,747,324.70	95.68	715,245,300.99	94.66
<b>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</b>	<b>369,419,000.00</b>	<b>352,000,000.00</b>	<b>95.28</b>	<b>344,000,000.00</b>	<b>89.29</b>
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	1,140,511,676.00	1,089,747,324.70	95.55	1,059,245,300.99	92.84
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun	(109,536,636.00)	5,139,771.98		9,916,703.33	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>617,591,131.25</b>		<b>612,451,359.27</b>	

**Nota:**

Anggaran dan Sebenar Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap tidak termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil Disatukan kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran Asal	2019			2018	
		Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	406,765,000.00	406,765,000.00	322,992,028.06	79.41	298,282,677.32	77.28
Cukai Parit dan Tali Air	389,000.00	389,000.00	464,705.92	119.46	463,409.15	128.02
Cukai Keluaran Hutan	22,687,580.00	22,687,580.00	20,488,032.65	90.31	20,801,171.22	93.02
Royalti	144,917,000.00	144,917,000.00	103,742,111.02	71.59	99,745,746.62	69.32
Levi Pindah Milik	1,000,000.00	1,000,000.00	7,553,897.54	755.39	1,133,698.81	161.96
Cukai Hiburan	12,900,000.00	12,900,000.00	15,622,460.95	121.10	14,237,367.50	109.52
Cukai Pelancongan	0.00	0.00	1,247,510.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	<b>588,658,580.00</b>	<b>588,658,580.00</b>	<b>472,110,746.14</b>	<b>80.20</b>	<b>434,664,070.62</b>	<b>76.76</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	46,318,942.00	46,318,942.00	47,808,878.31	103.22	54,756,631.98	165.23
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	54,114,425.00	54,114,425.00	51,599,913.57	95.35	50,609,958.02	114.34
Jualan Barang-barang	111,980,000.00	111,980,000.00	232,186,285.43	207.35	243,093,934.74	155.44
Sewaan	6,072,860.00	6,072,860.00	5,558,154.45	91.52	5,245,591.61	133.97
Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan	49,640,165.00	49,640,165.00	64,237,615.73	129.41	58,655,308.63	118.23
Denda, Rampasan dan Hukuman	10,310,100.00	10,310,100.00	11,173,689.07	108.38	8,379,137.84	94.87
Sumbangan	0.00	0.00	100,000.00	0.00	100,000.00	0.00
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	<b>278,436,492.00</b>	<b>278,436,492.00</b>	<b>412,664,536.56</b>	<b>148.21</b>	<b>420,840,562.82</b>	<b>142.10</b>

(disambung)

(sambungan)

Perihal	Anggaran Asal	2019			2018	
		Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	430,811.00	430,811.00	6,498,895.05	1,508.53	10,072,950.84	103.14
Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan yang Lain	148,449,157.00	148,449,157.00	163,612,918.93	110.21	195,465,595.38	127.81
Lain-Lain Terimaan atau Sumbangan	15,000,000.00	15,000,000.00	40,000,000.00	266.67	8,118,824.66	38.66
<b>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>163,879,968.00</b>	<b>163,879,968.00</b>	<b>210,111,813.98</b>	<b>128.21</b>	<b>213,657,370.88</b>	<b>116.30</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,030,975,040.00</b>	<b>1,030,975,040.00</b>	<b>1,094,887,096.68</b>	<b>106.20</b>	<b>1,069,162,004.32</b>	<b>102.20</b>

**(b) Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2019			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi DYMM Sultan	12,057,700.00	12,143,376.00	12,143,376.00	100.00
T. 02 Speaker	327,000.00	327,000.00	327,000.00	100.00
T. 03 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	383,700.00	383,700.00	212,056.06	55.27
T. 04 Pejabat Kewangan Negeri	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	100.00
T. 05 Pencen / Elaun dan Ganjaran	13,412,500.00	13,412,500.00	12,678,923.30	94.53
<b>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</b>	<b>34,180,900.00</b>	<b>34,266,576.00</b>	<b>33,361,355.36</b>	<b>97.36</b>
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 01 Dewan Negeri	23,022,204.00	23,022,204.00	22,124,622.86	96.10
B. 02 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,446,300.00	1,446,300.00	1,401,092.92	96.87
B. 03 Raja-Raja dan Orang Besar Jajahan	3,597,300.00	3,597,300.00	3,597,300.00	100.00
B. 04 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	74,104,200.00	74,104,200.00	69,056,004.26	93.19
B. 05 Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang	7,187,500.00	7,187,500.00	6,935,782.25	96.50
B. 06 Pejabat Daerah dan Tanah Manjung	7,649,460.00	7,649,460.00	7,614,973.06	99.55
B. 07 Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak	7,922,140.00	7,922,140.00	7,526,349.55	95.00

(disambung)

(sambungan)

Maksud Perbelanjaan	2019			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN BEKALAN (samb.)</b>				
B. 08 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak	10,113,700.00	10,113,700.00	10,112,241.24	99.99
B. 09 Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	14,456,200.00	14,456,200.00	14,342,008.03	99.21
B. 10 Pejabat Daerah dan Tanah Kerian	6,912,100.00	6,912,100.00	6,773,323.96	97.99
B. 11 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar	11,413,300.00	11,413,300.00	11,413,300.00	100.00
B. 12 Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama	12,066,100.00	12,066,100.00	11,257,900.69	93.30
B. 13 Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah	11,581,100.00	11,581,100.00	10,908,434.81	94.19
B. 14 Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	5,569,700.00	5,569,700.00	5,496,379.51	98.68
B. 15 Pejabat Daerah dan Tanah Muallim	4,660,500.00	4,660,500.00	4,382,079.17	94.03
B. 16 Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk	5,017,200.00	5,017,200.00	4,354,770.92	86.80
B. 17 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	17,678,300.00	17,678,300.00	16,732,285.93	94.65
B. 18 Jabatan Agama Islam Perak	84,866,500.00	84,866,500.00	84,844,158.73	99.97
B. 19 Jabatan Pendakwaan Syariah	1,641,600.00	1,641,600.00	1,571,250.15	95.71
B. 20 Jabatan Mufti	3,502,300.00	3,502,300.00	3,484,819.11	99.50
B. 21 Jabatan Kehakiman Syariah	10,743,200.00	10,743,200.00	10,628,793.29	98.94
B. 22 Pencen Siasah dan Saraan Rahim	407,400.00	407,400.00	275,866.77	67.71
B. 23 Jabatan Pertanian	24,470,200.00	24,470,200.00	22,451,099.73	91.75
B. 24 Jabatan Pengairan dan Saliran	94,192,600.00	94,192,600.00	92,223,268.85	97.91
B. 25 Jabatan Perhutanan	36,192,900.00	36,192,900.00	36,187,477.55	99.99
B. 26 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	16,834,900.00	16,834,900.00	16,070,671.73	95.46

15

(disambung)

(sambungan)

Maksud Perbelanjaan	2019			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
B. 27 Jabatan Kerja Raya	79,672,300.00	79,672,300.00	75,967,298.04	95.35
B. 28 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	7,065,700.00	7,065,700.00	6,852,447.70	96.98
B. 29 Jabatan Kebajikan Masyarakat	39,829,900.00	39,829,900.00	37,221,284.46	93.45
B. 30 Jabatan Mineral dan Geosains	762,400.00	762,400.00	720,296.28	94.48
B. 31 Pejabat Kewangan Negeri	5,916,200.00	5,916,200.00	5,796,011.93	97.97
B. 32 Pelbagai Perkhidmatan Am	101,330,696.00	101,330,696.00	91,062,375.86	89.87
B. 33 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	374,419,000.00	374,419,000.00	357,000,000.00	95.35
<b>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</b>	<b>1,106,245,100.00</b>	<b>1,106,245,100.00</b>	<b>1,056,385,969.34</b>	<b>95.49</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)</b>	<b>771,007,000.00</b>	<b>771,092,676.00</b>	<b>737,747,324.70</b>	<b>95.68</b>
<b>CARUMAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>	<b>369,419,000.00</b>	<b>369,419,000.00</b>	<b>352,000,000.00</b>	<b>95.28</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)</b>	<b>1,140,426,000.00</b>	<b>1,140,511,676.00</b>	<b>1,089,747,324.70</b>	<b>95.55</b>

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Pinjaman terdiri daripada pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Terimaan ini dibayar kepada pelbagai agensi Kerajaan Negeri atas sifat pinjaman itu diperolehi.

Bayaran hutang negeri termasuk faedah tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T04 berjumlah RM8,000,000.00 seperti di Nota 5(b).

Di Penyata Prestasi Kewangan, Pinjaman Negeri berjumlah RM0.00 untuk tahun 2019 adalah terimaan bersih tahun semasa.

## 7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan dibawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini terdiri dari urusniaga Akaun Penyelesaian dan juga Kumpulan Wang Pusingan yang mana pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 1.1.2019			Baki pada 31.12.2019
	(Debit) / Kredit	Debit	Kredit	(Debit) / Kredit
	RM	RM	RM	RM
<b>KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>				
Kumpulan Wang Pembangunan	(96,391,266.26)	357,348,624.53	404,537,177.71	(49,202,713.08)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	279,537,637.41	6,638,366,303.45	6,678,603,789.05	319,775,123.01
<b>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</b>	<b>183,146,371.15</b>	<b>6,995,714,927.98</b>	<b>7,083,140,966.76</b>	<b>270,572,409.93</b>
<b>KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>				
Kumpulan Wang Amanah Awam	144,270,623.51	249,824,567.52	341,801,095.20	236,247,151.19
<b>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</b>	<b>144,270,623.51</b>	<b>249,824,567.52</b>	<b>341,801,095.20</b>	<b>236,247,151.19</b>
<b>AKAUN DEPOSIT</b>				
Deposit Am	98,070,545.80	50,039,980.24	66,342,152.65	114,372,718.21
Deposit Khusus	33,611,462.55	12,872,948.14	17,506,406.31	38,244,920.72
Deposit Pelarasan	3,027,401.12	29,294,739.56	27,626,230.58	1,358,892.14
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	2,037,586.90	142,270.20	61,634.00	1,956,950.70
<b>Jumlah Akaun Deposit</b>	<b>136,746,996.37</b>	<b>92,349,938.14</b>	<b>111,536,423.54</b>	<b>155,933,481.77</b>
<b>JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	<b>464,163,991.03</b>	<b>7,337,889,433.64</b>	<b>7,536,478,485.50</b>	<b>662,753,042.89</b>

**(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Persekutuan, Ansuran Sewa Beli dan Jualan serta Pelbagai Terimaan. Bayaran kumpulan wang ini adalah Perbelanjaan Pembangunan secara Langsung atau Pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019	2018
	(Debit) / Kredit	(Debit) / Kredit
	RM	RM
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	(96,391,266.26)	(136,580,516.09)
<b>TERIMAAN</b>		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	352,000,000.00	344,000,000.00
Penerimaan Sewa Beli Rumah-Rumah Awam	1,852,792.72	1,609,894.69
Jualan Perumahan Awam Kos Rendah	335,000.00	1,911,317.60
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	10,180,328.00	10,088,533.00
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	23,917,000.00	21,077,000.00
Bayaran Balik Pengeluaran Hakmilik Rancangan Perumahan	6,025.00	7,566.00
Pelbagai Pendapatan	16,246,031.99	11,038,925.21
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>404,537,177.71</b>	<b>389,733,236.50</b>

(disambung)



(sambungan)

Perihal	2019	2018
